

25/11/1998

PM terima anugerah Asocio

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima anugerah tertinggi Pertubuhan Industri Perkomputeran Asia Oceania (Asocio) kerana sumbangannya melaksana dan mempromosikan penggunaan teknologi maklumat (IT) dan perkembangan industri berkenaan di Malaysia dan rantau Asia.

Presiden Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Shaifubahrim Saleh, berkata anugerah berkenaan bagi mengiktiraf sumbangan Dr Mahathir dan visi beraninya untuk memanfaatkan penggunaan IT dalam semua bidang kehidupan.

"Perdana Menteri melahirkan visi untuk melonjak Malaysia memasuki alaf baru dengan melahirkan inisiatif seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita)," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Mahathir dijangka menerima anugerah berkenaan dalam majlis makan malam di Hotel Sunway Lagoon Resort, Petaling Jaya. Serentak dengan penyampaian anugerah itu, Pikom turut menyampaikan anugerah kepada inisiatif IT yang dilakukan agensi kerajaan, penghasilan produk baru dan sektor swasta.

Asocio adalah pertubuhan yang menggalakkan penggunaan pelbagai perkara berkaitan IT dan perniagaan di kalangan 15 negara anggotanya. Antara negara anggota ialah Australia, Indonesia, Thailand, Taiwan, Korea Selatan, New Zealand, Jepun, India, Malaysia dan Singapura.

Tahun ini, Malaysia menjadi tuan rumah persidangan Asocio 98 yang berlangsung hari ini dan esok di Hotel Sunway Lagoon Resort, Petaling Jaya.

(END)